



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

1,500 KAKI PANING SERTAI PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

PUTRAJAYA, 9 Februari 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan menyertai 1,500 kaki pancing di dalam Pertandingan Memancing Putrajaya hari ini.

Pertandingan kali ini diadakan di dua lokasi iaitu Sisiran Tasik Presint 1 dan Sisiran Taman Wawasan Presint 2. Pertandingan Memancing Putrajaya ini adalah penganjuran kali ke-19 sejak ianya mula dianjurkan pada tahun 2001 sehingga menjadi acara yang ditunggu-tunggu oleh semua kaki pancing.

Kedua – dua lokasi yang dipilih ini bertentangan di antara satu sama lain dan sangat sesuai untuk aktiviti memancing kerana mempunyai akses ke air tasik yang lebih mudah dan kawasan yang redup.

Konsep “Tangkap dan Lepas Mesra Alam” untuk beberapa spesis ikan yang terpilih masih dikekalkan bagi memastikan proses perkembangan ikan tersebut tidak terancam di samping memelihara ekosistem Tasik Putrajaya. Antara spesis ikan yang terdapat di dalam Tasik Putrajaya adalah seperti kelah, temoleh, tengas, bujuk, kerai, sebarau, jelawat, belida, patin, tenggalan dan lain-lain.

Pelbagai hadiah istimewa disediakan untuk pertandingan pada tahun ini termasuk wang tunai sebanyak RM18,000.00 serta 40 cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah seperti TV LED 60 inci, TV LED 40 inci dan peralatan – peralatan memancing.

Pertandingan yang dianjurkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 oleh Perbadanan Putrajaya ini bukan sahaja memberikan peluang kepada kaki pancing dari seluruh negara berkumpul dan mengeratkan silaturahim tetapi juga memberi peluang kepada warga Putrajaya untuk beriadah bersama seisi keluarga. Aktiviti sihat seperti ini membolehkan warga Wilayah Persekutuan menjalani kehidupan harian yang sihat.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

9 Februari 2019